



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

KUMPULAN DIGITAL MAVEN KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT DINOBATKAN SEBAGAI JUARA YS2P 3.0

BATU KAWAN, 26 Oktober 2023 - Dalam meneruskan usaha memartabatkan bidang keusahawanan sosial, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) serta PKT Logistics Groups Sdn. Bhd. telah menganjurkan program Young Socialpreneur Programme (YS2P 3.0).

Kemuncak program yang telah berlangsung buat kali ketiga sejak penganjurannya pada tahun 2017 dan 2018 di The Ship Campus, disini malam tadi telah disempurnakan oleh YBrs. Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti yang mewakili YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi.

YS2P 3.0 menyaksikan kumpulan Digital Maven dari Kolej Komuniti Segamat yang melaksanakan Projek Usahawan Seni Kreatif Kaligrafi Jawi Bersama Maahad Tahfiz Al-Muhammadi Segamat berjaya dinobatkan sebagai juara dengan membawa pulang hadiah keseluruhan berjumlah RM 3,000.00 beserta trofi dan sijil.

Seramai 220 orang peserta dari Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia berjaya meneruskan cabaran pertandingan hingga ke peringkat akhir bagi merebut Anugerah YS2P 2023.

Penganjuran YS2P 3.0 kali ini juga turut memperolehi pengiktirafan daripada Malaysia Book of Records (MBOR) bagi *Most Online Judging in a Young Socialpreneurship Competition* yang mana seramai 50 orang juri daripada 16 agensi/industri telah melaksanakan sesi penjurian *Online Pitching* secara serentak di POLISAS dengan penyertaan seramai 1116 peserta merangkumi 93 buah kumpulan daripada 25 Politeknik dan 40 Kolej Komuniti seluruh Malaysia.

Sementara itu, tiga anugerah lain turut disampaikan dimana Kumpulan Capt Empire yang menjalankan projek Qoorta Loka dari Politeknik Seberang Perai (PSP) menang bergaya apabila membolot dua anugerah sekaligus menerusi Anugerah CEO Terbaik dan Biasiswa PKT serta Anugerah Vlog Tiktok Paling Popular. Manakala, Kumpulan 'PMU Chillie House' Politeknik Mukah (PMU) pula tidak pulang dengan tangan kosong apabila turut menerima Anugerah Khas Juri menerusi projek Sos Cili Nana.

YS2P 3.0 berjaya mengutip dana berjumlah RM508,000.00 berbanding tahun sebelum ini melalui penganjuran YS2P 2.0 iaitu sebanyak RM184,540.00 dan RM103,879.00 yang dikutip pada penganjuran kali pertama YS2P kali pertama pada tahun 2017.

Young SocialPreneur Programme ini menggabungkan tiga konsep utama iaitu keusahawanan, keusahawanan sosial dan tanggungjawab sosial kepada komuniti. Ia bertujuan untuk membangunkan program keusahawanan pelajar dalam bentuk yang lebih berdaya saing sejajar dengan temanya iaitu "Entrepreneurship for Sustainable Lifestyle".

Program yang berbentuk pertandingan ini memerlukan pelajar-pelajar berfikir secara kreatif dan inovatif bagi menghasilkan keuntungan yang maksimum melalui aktiviti keusahawanan yang dilaksanakan. Program ini diadili berdasarkan kreativiti dalam membangunkan plan perniagaan dan mengagihkan keuntungan kepada badan kebajikan yang terpilih bagi mewujudkan nilai tambah kepada para pelajar.

Daripada 93 kumpulan yang bertanding pada peringkat awal, hanya 50 kumpulan berjaya ke sesi Social Entrepreneurship (SE) Bootcamp. Melalui sesi SE Bootcamp ini, para peserta disaring kepada 20 kumpulan terbaik dan kemudiannya hanya 10 kumpulan terbaik terpilih ke peringkat akhir YS2P 3.0 dan bakal bersaing bagi merebut anugerah yang dipertandingkan pada malam ini. 10 kumpulan terbaik ini juga turut mendapat suntikan modal bernilai RM1000 daripada PKT Logistics Group Sdn.Bhd. Pemilihan ini telah dilakukan dengan melihat idea, impak serta kaedah penjanaan modal yang dirancang oleh setiap kumpulan.

Turut hadir pada majlis penutup ini ialah YBhg. Dato' Seri (Dr.) Michael Tio, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pengarah Urusan, PKT Logistics Group Sdn. Bhd., yang juga merupakan CEO Fakulti Program Diploma Pengurusan Logistik dan Rangkaian Bekalan, POLISAS, YBr. Puan Hajah Norehan binti Silek, Pengarah POLISAS serta Pengarah-pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
26 OKTOBER 2023**

***Dikeluarkan Oleh: Unit Komunikasi dan Hubungan Korporat,
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Telefon : 03- 8888 2515***